


Wanita tertipu di internet

Sinar 1/9/13 Ms2.

A NDA pernah jadi mangsa tipu di internet? Kenapa ya, sejak dulu golongan Hawa selalu jadi mangsa penipuan maya. Perempuan senang dipujuk? Cepat lentok bila dirayu dengan ayat puitis atau sukar sangat mentafsir mana yang baik dan buruk? Inikah sebabnya? Si penipu pula, sanggup buat apa saja yang penting hasratnya berjaya. Lihat saja statistik Polis Diraja Malaysia sepanjang 2011 dan 2012, seramai 1,044 wanita menjadi mangsa sindiket *Love Scam* ini. Sehingga Julai tahun ini pula seramai 407 wanita menjadi mangsa dengan kerugian mencecah jutaan ringgit. Wanita yang jadi mangsa pula lingkungan umur 31 hingga 40, sama ada belum kahwin, janda ataupun punya krisis rumah tangga. Baca pengakuan mangsa dalam isu yang dipaparkan minggu ini. Waspada! Apa lagi yang boleh dinasihati supaya anda tidak menjadi sebahagian daripada wanita tertipu di internet!



STATISTIK MANGSA MENGIKUT UMUR/BANGSA TAHUN 2011

UMUR	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
15-20	7	25	0	0	3	0	0	1	10	26
21-30	62	99	8	21	10	6	5	12	85	138
31-40	76	135	17	27	10	9	9	16	112	187
41-50	47	86	24	21	7	5	4	12	82	134
51>	34	25	8	12	3	0	12	8	57	45
JUM	226	370	57	91	33	20	30	49	348	530

JUMLAH KESELURUHAN 876

STATISTIK MANGSA MENGIKUT UMUR/BANGSA TAHUN 2012

UMUR	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
15-20	10	22	3	1	1	0	1	1	15	24
21-30	75	82	20	14	8	5	6	11	109	112
31-40	32	103	21	33	6	24	4	17	63	117
41-50	31	75	11	40	6	10	3	15	51	140
51>	27	31	8	13	4	5	23	12	62	61
JUM	175	313	63	101	25	44	37	56	300	514

JUMLAH KESELURUHAN 814

STATISTIK MANGSA MENGIKUT UMUR/BANGSA TAHUN 2013 (JAN-JULAI)

UMUR	MELAYU		CINA		INDIA		LAIN-LAIN		JUMLAH	
	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
15-20	4	4	3	1	0	0	0	2	7	7
21-30	44	55	7	8	5	9	5	9	61	81
31-40	31	128	9	18	1	7	2	13	43	166
41-50	27	66	3	18	5	5	8	17	43	106
51>	12	25	4	12	3	3	4	7	23	47
JUM	118	278	26	57	14	24	19	48	177	407

JUMLAH KESELURUHAN 584

JUMLAH KESELURUHAN PARCEL

Tahun	Kes	Kerugian (RM)
2011	876	34,179,505.02
2012	814	33,615,035.05
2013 (Jan-Julai)	485	20,254,970.79
JUM KESELURUHAN	2175	84,290,680.20

Lelaki kasanova ditahan

Kes 1

TAKTIK licik seorang lelaki kasanova berusia lingkungan 37 tahun memikat anak dara tua dan janda di sebuah laman web di internet, seterusnya memperdayakan golongan itu untuk menyerahkan wang kepadanya akhirnya terbongkar.

Lelaki itu ditahan polis pada 24 November lalu di bandar Kluang, ketika menunggu mangsa yang dikenalnya di lawan web berkenaan.

Menerusi aduan yang diterima, mangsa telah berkenalan dengan suspek melalui sebuah lawan web di internet. Suspek berjanji untuk berkahwin bagi mendapatkan wang yang kononnya digunakan untuk membantu perniagaannya.

Atas dasar percaya, mangsa memasukkan wang RM5,500 ke dalam akaun suspek. Namun, setelah bayaran dibuat, suspek memberikan pelbagai alasan mengelakkan diri daripada berkahwin dengan mangsa sepertimana yang dijanjikan.

Modus operandi yang dilakukan suspek adalah berunsur penipuan melalui laman web bagi mendapatkan kenalan dan jodoh.

Suspek diasiat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana melakukan penipuan dan jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan tidak lebih daripada 10 tahun, denda dan sebatan.

Sinar Harian (29 November 2012)

Pekerja swasta rugi RM2,760 akibat urus niaga online

Kes 2

GARA-GARA terpedaya dengan tawaran seorang wanita yang ingin menjual sebuah motosikal menerusi internet, seorang lelaki kerugian RM2,760 selepas tertipu dalam urus niaga itu.

Mangsa, seorang pekerja swasta, 30, menyedari ditipu setelah motosikal dibelinya daripada wanita itu yang mendakwa dari Johor awal bulan ini masih belum diterima sehingga hari ini, lantas membuat laporan di Balai Polis Raub semalam.

Setelah membaca tawaran itu di laman web pada 8 Februari lepas, mangsa menghubungi wanita itu untuk membeli motosikal Yamaha RXZ itu yang ditawarkan pada harga begitu murah iaitu RM2,500.

Wanita itu kemudian meminta mangsa menambah RM260 untuk kos penghantaran menggunakan lori penghantaran ekspres dan mangsa yang bersetuju kemudian memasukkan RM500 ke dalam akaun wanita itu sebagai wang pendahuluan. Pada petang hari yang sama, mangsa memasukkan RM2,260 ke dalam akaun wanita berkenaan.

Selepas memaklumkan bayaran penuh terhadap motosikal berkenaan sudah selesai, wanita terbabit kemudian berjanji dengan mangsa akan menghantar motosikal itu dalam tempoh lapan hari.

Bernama (28 Februari 2013)

MODUS OPERANDI KES PARCEL



Suspek akan berkenalan dengan mangsa melalui laman sosial seperti Facebook, Yahoo Messenger, Twitter, Tagged dan sebagainya kemudian menyamar sebagai lelaki kulit putih dari UK, Itali dan sebagainya. Selepas hubungan semakin mesra, suspek 1 kemudian berjanji akan mengahwini mangsa dan akan datang ke Malaysia untuk berjumpa dan mahu memberi hadiah kepada mangsa.



Mangsa seterusnya menyedari telah ditipu selepas berasa curiga dan mendapati suspek 1 sebenarnya tidak pernah ditahan di lapangan terbang dan telah mengalami kerugian wang ringgit.



Mangsa yang terpedaya mematuhi arahan suspek 2 akan pergi ke cawangan bank dan membuat transaksi wang ke atas nombor akaun yang telah diberikan.



Suspek 1 telah menerima wang daripada pemilik akaun yang bersubahat dengannya.



Selepas transaksi wang dibuat oleh mangsa, suspek 3 iaitu pemilik akaun akan mengeluarkan wang pada hari yang sama untuk diserahkan kepada suspek 1.



Pemilik akaun akan keluar wang yang telah dimasukkan oleh mangsa dan serahkan pada suspek pada hari yang sama.

Terpedaya cinta internet

Ketika Fendi tegur saya di internet menerusi *inbox* Facebook, saya masih ragu-ragu untuk menyambut salam perkenalan yang dia huluskan. Fendi datang memang tepat pada waktunya, kerana kebetulan saya baru sahaja putus hubungan dengan tunang saya Haikal.

Sekadar berhati-hati, saya menjawab sapaan Fendi dengan perbualan biasa-biasa seperti mana kawan-kawan baru yang lain. Memang saya nekad, selepas putus cinta dengan Haikal, saya mahu berhati-hati dan memilih kawan lelaki, lebih-lebih lagi mengenangkan hubungan saya selama tujuh tahun dengan Haikal putus begitu sahaja di saat saya sedang meniti bahagia untuk bergelar pengantin kepada bakal suami.

Saya tak mahu perkara sama berulang lagi kerana pedihnya terlalu sukar untuk saya gambarkan. Memang hati saya hancur. Pada saya, kalau nak bercinta pun selepas ini, saya mahu terus kahwin. Dan tidak disangka Fendi datang dengan karakter meyakinkan.

Ayat pertama Fendi di Facebook memberitahu dia ingin mencari pasangan yang mahu menjalin hubungan serius sahaja dan untuk membuktikan maksudnya, dia mahu membawa saya ke rumah orang tuanya

di kampung untuk perkenalan. Kalau saya pandai membawa diri dan kedua-dua ibu bapanya tidak menghalang, perkahwinan akan dirancang.

Disebabkan saya juga berniat sama seperti Fendi, saya mula yakin dengan pelawaannya dan kemudian sudi membuat temu janji dengan Fendi. Hati masih sakit dengan Haikal dan kerana itu saya juga mahu cepat-cepat menamatkan zaman bujang dengan harapan Haikal akan merasa kehilangan seperti yang saya rasa.

Dua kali bertemu Fendi, Fendi masih belum membawa saya pulang ke kampungnya seperti yang dia janjikan. Tetapi saya langsung tidak menduga perhubungan kami juga akan berakhir dengan perpisahan. Dalam pertemuan serba singkat dan ringkas itu, Fendi datang dalam keadaan formal dan dia nampak kemas seperti orang berkerjaya besar. Percakapannya yang sopan dan berhemah buat saya terfikir yang Fendi bukan sembarangan orang.

Saya jadi terpicat dan amat menyukai personaliti Fendi. Saya memang tidak ralat bila Fendi kata dia masih sibuk dengan bisnesnya dan belum ada kelapangan untuk

Pengakuan

pulang ke kampung. Perhubungan kami diteruskan menerusi Facebook, *whatsapp* dan panggilan telefon. Lima bulan berlalu, boleh dikatakan setiap hari Fendi akan telefon saya untuk bertanya khabar. Dia romantik dan lemah lembut bila bersuara.

Satu hari, Fendi tak telefon saya. Sikap Fendi buat saya jadi nanar menahan rindu. Berkali-kali saya hubungi Fendi dan pada sebelah malamnya Fendi menjawab dengan mengatakan dia kelam-kabut sebab ibunya masuk hospital kecemasan. Pembedahan telah dibuat tapi masalahnya dia tidak ada duit untuk bayar bil hospital. Dalam keadaan cemas sebegini, saya langsung tak duga itu memang permainan Fendi.

Saya serta-merta buat transaksi berjumlah RM5,000 untuk Fendi. Fendi janji akan hubungi saya semula selepas semuanya selamat dan akan menemui saya di sini. Malangnya, selepas malam itu, tiada lagi panggilan telefon mahu pun *inbox* Facebook daripada Fendi. Saya mula sedar ditipu sebulan kemudian bila akaun Facebook Fendi ditutup. Sampai hari ini, selepas setahun, saya masih trauma dan akhirnya nekad menyerahkan segala-galanya pada yang



Maha Esa. Terbaru, selepas membaca *Sinar Harian* mengenai laman web Bujang Terlajak Malaysia, (kini Ikhtiar Jodoh Malaysia) saya ingin mendaftar menerusi pertubuhan itu kerana lebih yakin dan selamat.

Ida, 35.
Kuala Lumpur.

Pembeli berhutang RM14,000

Ditipu penjual dalam talian

WALAUPUN mempunyai kerjaya terjamin tetapi kerana termakan pujukan dan perasaan ingin mencuba perniagaan internet yang membuak-buak menyebabkan saya mendaftarkan nama di bawah perbankan internet yang melibatkan pelaburan wang di sebuah bank di luar negara.

Saya dengar kawan-kawan yang menceburi pelaburan dan perniagaan dalam talian dapat untung berganda.

Sekitar tahun 2008/2009 saya membuat keputusan mendaftarkan diri di bawah kendalian kawan untuk sebuah skim pelaburan di internet. Ketika itu, pelaburan wang berkenaan disertai ramai memandangkan masyarakat sedang obses dengan perbankan alam maya ini.

Saya mendaftar dan mempunyai



akaun dinamakan e wallet di atas nama sendiri tetapi saya tidak tahu di bahagian mana akaun berkenaan diletakkan.

Semasa mendaftar, saya membuat pembayaran melalui kawan dan dikehendaki mencari seberapa banyak ahli baru untuk mendapat bayaran.

Sebagai contoh setiap seorang ahli baru yang masuk kami akan mendapat RM100, tetapi malangnya duit berkenaan tidak boleh diambil kerana tidak tahu akaun itu diletakkan di mana. Kawan saya ada mengatakan bahawa duit berkenaan akan dikembalikan suatu masa nanti. Tunggu punya tunggu ia langsung tidak kelihatan.


Skim pelaburan berkenaan ada membuat pembayaran kepada ahli walaupun bukan dalam jumlah yang besar, tetapi ia hanya sementara iaitu sebulan dua terawal selebihnya dan sehingga sekarang saya tidak mendapat apa-apa pulangan seperti yang dicanangkan.

Saya sematkan dalam hati semua itu bukan rezeki saya dan segalanya bukan berlaku dalam sekelip mata, sebaliknya hilang sedikit demi sedikit, tambahan pula pelaburan yang saya buat bukanlah dalam jumlah yang besar.

Ramai yang menasihati saya supaya membuat laporan polis. Saya membayangkan jika melaporkan kepada pihak berkuasa banyak pula urusannya.

Saya sudah serik untuk menjadi mangsa penipuan perniagaan dalam talian, apa yang berlaku kepada saya menjadi pengajaran yang akan saya ingat sampai bila-bila. Nasihat saya kepada wanita di luar sana, berhati-hatilah dengan dunia dalam talian kerana penipu alam maya gemar menjadikan wanita sebagai mangsanya.

Maz, 30an.



Laporan polis yang dibuat Anieysah di balai polis berdekatan.

SAYA giat menjalankan urusan jual beli perniagaan menerusi internet, saya menggunakan laman sesawang sebagai medium jualan. Perniagaan saya bukan hanya terkenal dalam kalangan kawan-kawan tetapi blog berkenaan turut dilayari pengunjung yang tidak saya kenali.

Sekitar akhir tahun 2010, saya menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki menyatakan berminat dengan produk penapis air yang dijual. Dengan segera saya mengatur pertemuan empat mata kerana barangan yang dijual berharga ribuan ringgit.

Karakter lelaki berkenaan berjaya meyakinkan saya untuk mengadakan urusan jual beli dengannya. Saya seorang yang berhati-hati dan peka. Pada saya dokumen pengenalan diri seperti salinan kad pengenalan dan lain-lain dokumen sangat penting kerana itulah bukti jika berlakunya sebarang musibah kemudian nanti.

Dalam pertemuan itu juga, saya menerima pembayaran wang pendahuluan untuk penapis air yang dibeli dan saya menetapkan lelaki itu perlu membayar RM200 untuk satu penapis air yang diambil. Disebabkan harga penapis air berkenaan mencecah ribuan ringgit dan saya memahami keadaan pembeli, saya membolehkan pembayaran ansuran dilakukan tetapi yang pasti pembeli perlu membayar setiap bulan.

Dalam dua tiga hari selepas pertemuan

berkenaan, lelaki itu menghubungi saya untuk menambahkan lagi bilangan penapis air yang dibeli dan kesemua jumlahnya menjadi lima buah. Sepanjang tempoh itu, pembayaran berjalan lancar. Tidak lama kemudian, lelaki itu menelefon lagi untuk menambah bilangan barangan yang dibeli. Akhirnya saya memberikan peluang kepada kawan saya yang menjual barangan sama untuk berurus niaga dengannya.

Sepanjang lima bulan lancar sahaja pembayarannya, tetapi masuk bulan keenam, lelaki itu tidak membuat pembayaran seperti sebelumnya. Saya cuba menghubungi dan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) langsung tidak diangkat dan SMS tidak berbalas.

Selang beberapa lama kemudian, saya menerima SMS daripada lelaki itu dan dia menyatakan sedang menghadapi masalah kewangan dan meminta saya memberikan masa kepadanya dalam masa yang sama juga, dia mahu meminjam duit.

Saya kehairanan, sudahlah hutang saya tidak dijelaskan, kemudian meminta saya memberi masa dan mahu pula meminjam duit, tidak malukah lelaki itu? Saya mengenalinya sebagai pembeli produk dijual, tidak lebih daripada itu. Saya teringatkan kawan saya yang pernah berurusan jual beli dengannya, kawan menjelaskan bahawa lelaki itu tidak pernah membayar satu sen pun barangan yang dibeli.

Terkejut dengan keadaan itu, terus saya membuat laporan di balai polis berdekatan, selain saya turut meminta bantuan daripada kawan-kawan untuk mencari. Saya turut ke alamat yang terdapat dalam kad pengenalan tetapi jiran-jiran mengatakan tidak mengenalinya. Lelaki itu masih berhutang sebanyak RM14,000 dengan saya!

Walaupun saya telah mengambil semua butiran lengkap lelaki berkenaan sebagai umpan untuk tidak berlaku sebarang masalah, saya masih ditipu. Saya cadangkan kepada sesiapa yang berminat untuk berniaga dalam talian, buatlah rakaman video semasa perjumpaan kerana itulah cara terbaik.

Anieysah, 40